

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 18 MEI 2023
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 38

Inflasi 2022 meningkat kepada 3.3 peratus

Inflasi 2022 meningkat kepada 3.3 peratus

PETALING JAYA: Inflasi 2022 meningkat kepada 3.3 peratus berbanding 2.5 peratus pada 2021 dengan mata indeks mencatatkan 127.2 berbanding 123.1 pada tahun sebelumnya.

Peningkatan ini terutamanya didorong oleh makanan dan minuman pada 5.8 peratus, restoran dan hotel (5.0 peratus), pengangkutan (4.7 peratus) dan hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah (3.5 peratus).

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin

berkata, peningkatan inflasi 2022 juga seiring dengan kenaikan harga majoriti komoditi, pengukuhan dolar Amerika Syarikat (AS\$) berbanding mata wang utama dan ketegangan geopolitik antara Russia dan Ukraine.

“Kenaikan ketara direkodkan oleh semua subkumpulan makanan dan minuman dan mencatatkan kenaikan antara 2.9 peratus hingga 8.6 peratus.

“Selain itu, kejadian seperti banjir dan tanah runtuh juga telah menyebabkan gangguan

dalam bekalan produk pertanian, sekali gus menyebabkan kekurangan bekalan makanan dan kenaikan harga,” katanya dalam kenyataan.

Beliau menjelaskan, dalam usaha pemulihan ekonomi yang dilanda pandemik Covid-19, kerajaan telah membuka semula sektor pelancongan pada April 2022 kepada pelancong antarabangsa dari negara seperti Singapura, Indonesia dan Thailand.

Ujarnya, ini telah memberi kesan kepada inflasi restoran

dan hotel yang mencatatkan peningkatan 5.0 peratus pada 2022 berbanding 0.4 peratus yang dicatatkan pada 2021.

“Sepanjang tahun lalu, inflasi tertinggi dicatatkan adalah pada Ogos 2022 iaitu 4.7 peratus.

“Ini disebabkan oleh kesan asas yang lebih rendah pada 2021 berikutan diskaun bil elektrik yang diberikan kepada pengguna domestik di bawah Pakej Kesejahteraan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi Negara (PEMULIH) dari Julai hingga September 2021,” ujarnya.